

06/06/2004

`Saya kena jaga Presiden, juga parti'

By Tuan Nazuri Tuan Ismail; Rashidi Karim
SETIAUSAHA Agung Umno dan Barisan Nasional (BN) yang baru, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, 62, menyifatkan pelantikannya ke jawatan itu sebagai tugas berat dan penuh cabaran terutama untuk mengekalkan kestabilan Umno yang kini berada pada tahap tertinggi. Walaupun 17 tahun menyepi, beliau tetap sanggup memikul tanggungjawab itu kerana minat mendalam dalam politik. Ikuti temubual wartawan Berita Minggu, TUAN NAZURI TUAN ISMAIL dan RASHIDI KARIM bersama beliau di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Muadzam Shah di Alor Star, kelmarin.

PELANTIKAN Datuk sebagai Setiausaha Agung Umno dan BN adalah satu penghargaan dan kepercayaan daripada pucuk pimpinan. Apa perasaan dan cabaran yang bakal Datuk hadapi, apa lagi menjelang perhimpunan agung September depan?

Saya gembira dan menginsafi diri sendiri kerana jawatan itu cukup penting terutama ketika ini Umno berada pada tahap yang begitu baik. Tugas saya amat berat kerana perlu memastikan kedudukan Umno ini terus stabil.

Jika dulu mungkin tidak berat sangat kerana Umno berada pada tahap yang kurang memuaskan, kini Umno sudah matang dan berada pada tahap tinggi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana menaruh kepercayaan kepada saya. Sebagai Setiausaha Agung Umno, saya bertanggungjawab kepada beliau.

Saya juga berterima kasih dan tahniah kepada Tan Sri Khalil Yaacob yang berjaya menghadapi yang cabaran cukup hebat sejak 1999, apa lagi Umno ketika itu cukup tertekan dengan pelbagai isu.

Sekarang Umno berada pada tahap yang lebih baik. Saya pula berada di tempat beliau (Khalil) dan perlu menunjukkan komitmen seperti seorang pilot yang perlu menjaga kestabilan pesawat ketika berada di angkasa.

Selain perlu mengekalkan kestabilan Umno, saya juga perlu berdepan dengan persaingan dalam Umno sendiri seperti politik wang dan permainan kotor lain. Ini memang wujud dalam Umno. Saya perlu berdepan dengan semua itu kerana saya pegang dua jawatan sekali gus.

Apa yang keistimewaan Datuk sehingga mendapat kepercayaan Perdana Menteri?

Saya tidak tahu tetapi mungkin kerana saya sudah lama bersama beliau. Saya dan beliau lahir sebagai anak tulen Umno kerana kedua-dua orang tua kami adalah antara pengasas Umno.

Walaupun saya hampir 17 tahun tidak aktif dalam Umno, tetapi saya tidak pernah lupakan Umno dan sentiasa mengikuti perkembangannya dan keep in touch dengan kawan-kawan lama.

Saya masih ingat apabila mahu memasuki Umno semula. Ini pengalaman penting dalam hidup saya. Saya bertemu dengan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1989, saya minta izin dan restu beliau untuk masuk balik dalam Umno selepas keluar apabila Umno diharamkan pada 1988.

Saya terfikir untuk masuk dalam Umno dan mengambil keputusan untuk berjumpa dengan beliau (Mahathir) di pejabatnya. Beliau menerima keputusan saya itu dengan hati terbuka dan memberi nasihat yang saya masih ingat sampai hari ini.

Beliau memberi nasihat, "You ada jiwa ketenangan dan mempunyai pengalaman dalam kedua-dua pihak (Umno dan parti Semangat 46) dan you anak Pak Sheikh (Allahyarham Tan Seri Sheikh Ahmad Mohd Hashim). Gunakan pengalaman itu untuk membantu parti,".

Semenjak itu saya berjanji untuk berkhidmat dengan parti menggunakan

pengalaman yang ada dan saya tidak pernah lari (dari parti) walaupun saya tidak terpilih sebagai calon pada pilihan raya 1995 dan 1999.

Selepas 17 tahun menyepi diri dari arena politik, tiba-tiba dilantik ke jawatan penting. Mungkin Datuk menghadapi kesukaran kerana suasana politik kini berbeza berbanding dulu.

Tidak, saya tidak menghadapi kesukaran atau sebarang masalah kerana bagi saya pengalaman itu lebih penting. Saya sudah lama berkecimpung dalam dunia politik. Pernah keluar dari Umno dan masuk balik. Walaupun saya lama menyepi, saya tidak pernah melupakan Umno dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa. Tiada sebarang masalah bagi saya.

Bila Datuk dapat tahu akan dilantik sebagai Setiausaha Agung BN dan Umno?

Saya dapat tahu pada sebelah pagi 1 Jun ketika menyambut kepulangan Perdana Menteri dari China di lapangan terbang. Beliau sendiri yang memaklumkan kepada saya.

Ada pihak beranggapan pelantikan Datuk itu bagi menguatkan lagi kedudukan politik Perdana Menteri?

Betul. Sebagai Setiausaha Agung, saya bertanggungjawab kepada Presiden. Apa-apa masalah atau aduan kepada Presiden akan sampai ke telinga saya juga. Dalam lain perkataan, cakap ke telinga Presiden macam cakap ke telinga Setiausaha Agung. Saya kena jaga Presiden dan kedudukannya selain menjaga parti. Saya jaga kepentingan beliau dan beliau jaga kepentingan parti kerana itu tugas utamanya.

Rancangan Datuk selepas memegang jawatan Setiausaha Agung?

Selepas mesyuarat bahagian bulan depan, saya akan panggil semua ketua bahagian sebagai persiapan menghadapi Perhimpunan Agung Umno pada September depan. Sekarang saya tak boleh turun padang bagi mengelak dikatakan berkempen. Saya juga akan ke Sarawak bagi menyelesaikan beberapa masalah yang timbul di kalangan parti komponen BN di sana.

Khalil pernah berkata, Setiausaha Agung biarlah di kalangan Menteri. Apa komen Datuk?

Saya setuju dengan pandangan beliau kerana memudahkan tugas semua pihak. Sudah menjadi budaya kita, kalau tiada jawatan orang tidak akan respect. Saya pernah lalui jatuh naik sebagai menteri. Saya faham sangat. Kalau tidak ada jawatan, pergi manapun orang tak layan dan tak jemput hadir mana-mana majlis.

Bagaimana Datuk mahu imbangi tugas Setiausaha Agung dan menteri penuh?

Saya perlu bahagikan masa sebaik mungkin. Saya akui, selepas dilantik Setiausaha Agung Umno dan BN, jadual tugas dan kehidupan saya berubah. Saya perlu ada di pejabat di Putrajaya dan pejabat Umno di Menara Dato Onn di Kuala Lumpur. Tapi saya tidak kisah kerana saya memang berminat dalam politik dan memegang jawatan penting.

Nasihat kepada semua ahli Umno menjelang pemilihan bahagian?

Saya minta semua ahli supaya mematuhi semua arahan dan peraturan parti yang dengan persidangan cawangan dan perwakilan. Jangan sesekali terbabit dengan politik kotor yang boleh membinasakan Umno sendiri.

Saya akui bukan kerja senang mahu menjaga tiga juta ahli Umno dan belum dicampur dengan ahli parti komponen lain.

(END)